

**UCAPAN ALUAN OLEH  
YBHG. DATO' SRI DR. NOORUL AINUR MOHD. NUR  
KETUA SETIAUSAHA MOSTI**

**SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN PROGRAM INOVASI SOSIAL MOSTI (MSI)  
'OPS JELAJAH CYBER 2.0' EDISI PAHANG**

**ISNIN, 25 JANUARI 2016  
WISMA PENEROKA,  
BANDAR TUN ABDUL RAZAK, JENGA**

---

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

**YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB**

**Menteri Besar Pahang**

.....  
.....

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan limpah kurnia serta keizinanNYA maka kita berpeluang untuk bersama-sama berkumpul di Bandar Tun Abdul Razak, Jengka, Pahang bagi merealisasikan satu lagi aktiviti di bawah inisiatif mesra rakyat iaitu **Program Inovasi Sosial MOSTI - Ops Jelajah Cyber 2.0.**

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob, Menteri Besar Pahang** di atas kesudian

meluangkan masa untuk hadir bagi menyempurnakan majlis pada pagi ini.

3. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada **CyberSecurity Malaysia**, iaitu pusat rujukan keselamatan siber negara dan juga agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di atas inisiatif untuk mengadakan kerjasama dengan **Kerajaan Negeri Pahang** di bawah kepimpinan YAB Menteri Besar. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kedua belah pihak bagi melaksanakan **satu lagi Program Inovasi Sosial MOSTI atau MSI**, iaitu Ops Jelajah Cyber 2.0 Edisi Pahang di Bandar Pusat Jengka, Pahang Darul Makmur.

YAB Dato' Sri DiRaja, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati  
Sekalian,

4. **Program Inovasi Sosial MOSTI atau MSI yang telah dilancarkan pada 16 April 2015 adalah bertujuan untuk membangunkan idea yang boleh menjadi pemangkin kepada pembangunan kemahiran dan ekonomi bagi memenuhi keperluan sosial dan mewujudkan kerjasama dan jalinan sosial sesebuah komuniti.** Program Inovasi Sosial MOSTI yang berteraskan aktiviti jangkauan luar (*outreach*) ke peringkat akar umbi ini akan membawa kesan secara langsung dan memberi manfaat kepada rakyat.

5. Melalui MSI, MOSTI menerusi CyberSecurity Malaysia, akan melaksanakan “Ops Jelajah Cyber 2.0” bagi menyediakan **Perkhidmatan Pemulihan Data (*data recovery*), Sanitasi Data (*data sanitization*), Program Pembangunan Keusahawan serta aktiviti-aktiviti berkaitan keselamatan siber.**

6. Sukacita saya memaklumkan bahawa negeri **Pahang** merupakan negeri pertama yang dipilih untuk pelaksanaan **Ops Jelajah Cyber 2.0** ini. Selain negeri Pahang, MOSTI juga telah mengenal pasti beberapa negeri iaitu **Kedah, Perak, Johor, Sabah dan juga Sarawak** sebagai enam zon utama pelaksanaan Program Ops Jelajah Cyber 2.0.

Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja, Tuan-Tuan dan Puan-Puan  
Yang Dihormati Sekalian,

7. Selain dari menyediakan perkhidmatan berkaitan pemulihan data, sanitasi data dan perkhidmatan berkaitan keselamatan siber kepada komuniti setempat, Ops Jelajah Cyber 2.0 yang diadakan ini turut memperkenalkan Program Pembangunan Keusahawanan atau *Entrepreneurship Development Program MyCyberSecurity Clinic*, ringkasnya MyCSC.

8. Ia merupakan satu program perkembangan rangkaian outlet MyCSC yang telah dibangunkan oleh CyberSecurity Malaysia pada 2012, di mana ia menjadi *penghubung* antara kerajaan dan rakyat. Adalah diharapkan program ini dapat menangani isu keselamatan siber serta masalah berkaitan forensik digital selain menjadi pemangkin kepada bidang keusahawanan berteraskan teknologi keselamatan siber.

9. Program MyCSC ini dijangka dapat menyokong usaha Kerajaan mewujudkan usahawan ICT tempatan yang dapat memanfaatkan pengkomersilan teknologi baru dalam bidang keselamatan siber. Dengan bantuan teknikal dan sokongan program yang disediakan, ianya diharap dapat membantu melonjakkan perniagaan dan status ekonomi usahawan tempatan di Malaysia. Untuk

makluman, satu komponen khas **MyCSC Desa** telah diwujudkan bagi menghasilkan usahawan setempat dalam bidang keselamatan siber.

10. Pada dasarnya, sasaran impak Program Ops Jelajah Cyber 2.0 adalah bagi menyediakan perkhidmatan seperti pemulihan data, sanitasi data dan nasihat mengenai keselamatan siber kepada komuniti umum. Secara tidak langsung, kesedaran dan pemahaman mengenai keselamatan siber dapat diwujudkan, yang juga merupakan antara komponen utama dalam pembentukan masyarakat celik IT di Malaysia.

11. Sasaran awal MyCSC juga adalah untuk membangunkan sebuah MyCSC Desa untuk setiap zon utama, yang akan diusahakan oleh usahawan tempatan bagi menyediakan perkhidmatan keselamatan siber untuk penduduk setempat di bawah kelolaan CyberSecurity Malaysia.

12. YAB Menteri Besar, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

13. Sebagai sebuah Kementerian yang dipertanggungjawab meningkatkan pembangunan bidang STI di Malaysia, MOSTI yakin bahawa inisiatif yang dilaksanakan oleh CyberSecurity Malaysia akan dapat membantu usaha Kerajaan memperhebatkan percambahan bidang STI ke seluruh negara demi mencapai status negara yang juga maju sains (*scientifically advanced nation*) menjelang 2020.

14. Sebelum mengakhiri ucapan, bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Haji Adnan Haji Yaakub,

Menteri Besar Pahang di atas sokongan berterusan Yang Amat Berhormat ke atas inisiatif yang dilaksanakan oleh MOSTI.

15. Ucapan penghargaan serta terima kasih juga kepada semua rakan kerjasama yang telah menjayakan program Ops Jelajah Cyber 2.0 serta wakil-wakil media yang sentiasa menyokong MOSTI.

16. Sekian, wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

Sekian, terima kasih.